

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perubahan telah dibuat pada sistem pilihan raya terhadap pengundi yang berdaftar automatik dan pengundi yang berumur 18 – 20.

**JAWAPAN****YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas seperti berikut:

Dewan Rakyat	16 Julai 2019
Dewan Negara	25 Julai 2019

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik adalah meliputi:

- (i) pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan;
- (ii) penyediaan *standard operating procedures* (SOP); dan
- (iii) penyediaan sistem serta infrastruktur.

Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik seperti berikut:

- (i) membuat semakan maklumat bakal pemilih;
- (ii) membuat semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas;

## NO. SOALAN : 26

- (iii) semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat;
- (iv) sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan;
- (v) program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih; dan
- (vi) menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang

SPR sedang mengadakan proses Semakan Pra-Pendaftaran Pemilih Automatik (SPPA) sehingga 31 Oktober 2021. SPPA diadakan bertujuan memberi peluang kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas sehingga 31 Disember 2021 dan belum mendaftar sebagai pemilih untuk menyemak dan mengesahkan maklumat mereka dengan SPR sebelum didaftarkan sebagai pemilih secara automatik.

SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik tidak melibatkan sebarang perubahan kepada sistem pilihan raya sedia ada.

Sekian, terima kasih.